

# Setiap agensi penguat kuasa dipantau rapat

BERITA HARIAN

03 APR 2024

M/S: 2

PM beri amaran kepada anggota penguatkuasaan elak salah laku, kecurangan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi peringatan kepada semua agensi penguatkuasaan termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Imigresen supaya mengelakkan salah laku, rasuah serta kecurangan.

Perdana Menteri berkata, pihaknya sedang memantau secara dekat semua agensi berkaitan supaya tidak terpalit dengan isu berkenaan.

“Ini peringatan kepada semua agensi penguatkuasaan, kastam, LHDN, imigresen bahawa kita sedang pantau dengan dekat. Saya harap kita dapat mengelakkan laporan kecurangan ini kerana majoriti (penjawat awam) berhasrat (dan menginginkan) kebaikan,” katanya berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Kewangan, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin.

SPRM sebelum ini mendedahkan jumlah ketirisan akibat kegiatan sindiket penyeludupan membabitkan beberapa anggota Kastam di Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang mencecah RM2 bilion bagi tempoh tiga tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, dilaporkan berkata, setakat ini 34 anggota penguat kuasa dan 27 individu serta pemilik syarikat ditahan menerusi Ops Samba 2.0 kerana melindungi dan memudahkan aktiviti penyeludupan sindiket itu.

Anggota dan pegawai penguat kuasa berusia 30 hingga 50 ditahan dipercayai menerima wang rasuah lebih RM4.7 juta daripada sindiket bagi memudahkan kegiatan penyeludupan tembakau kunyah, rokok, arak, produk kesihatan dan alat ganti kenderaan.

Anwar turut mengingatkan kecurangan yang berlaku seperti ke atas JKDM tidak mencatatkan



Anwar berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

imej penjawat awam.

Beliau bagaimanapun menghargai langkah segera Ketua Pengarah JKDM yang berani mengambil tindakan ke atas isu menyelubungi jabatannya.

“Tahniah kepada Ketua Pengarah Kastam yang terus tukar, ambil tindakan disiplin dan sebagainya. Jangan biarkan sekelumit ini mencecahkan imej perkhidmatan awam,” katanya sambil meminta Anis Rizana berdiri.

Anwar berkata, sekiranya pemimpin tidak memberi contoh yang baik, ia tidak memberi kesan kepada mereka yang berada di bawah.

## Ahli Parlimen ditempelak

Sementara itu, Anwar menempeklak tindakan segelintir Ahli Parlimen yang mempertikaikan usa-

ha kerajaan melaksanakan perubahan termasuk dalam penyasa-ran subsidi serta skim pencen.

Perdana Menteri berkata, ada Ahli Parlimen mempersoalkan usaha itu kerana mendakwa ada dalam kalangan mereka adalah golongan B40.

“Ada Ahli Parlimen kata kenapa nak perubahan, buat penyasaran subsidi dan perubahan sistem pencen, Ahli Parlimen kata tak boleh kerana ada yang B40. Gaji puluh ribu dengan elaun, adakah masih B40,” katanya.

Anwar berkata, kerajaan sentiasa berusaha melakukan yang terbaik untuk kesejahteraan rakyat terutama dalam menangani isu kos sara hidup, menentang ‘kartel’ selain memaksa harga beras import diturunkan.

## Ibadat & Fadilat

Sayidatina Aishah RA berkata: “Apabila masuk 10 hari terakhir, maka Baginda akan menghidupkan malam berkenaan dengan ibadah, membangunkan keluarganya dan mengetatkan ikat pinggang.” (HR Bukhari dan Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:08	1:24	4:26	7:29	8:39
Alor Setar	6:08	1:24	4:26	7:29	8:38
P. Pinang	6:08	1:24	4:24	7:28	8:38
Ipoh	6:06	1:22	4:24	7:26	8:35
Kuala Lumpur	6:04	1:19	4:23	7:23	8:32
Shah Alam	6:04	1:19	4:23	7:23	8:32
Johor Bahru	5:57	1:11	4:16	7:13	8:23
Kuantan	5:59	1:14	4:17	7:17	8:26
Seremban	6:04	1:18	4:23	7:21	8:30
Bandar Melaka	6:02	1:17	4:22	7:20	8:29
Kota Bharu	6:01	1:17	4:18	7:21	8:27
K. Terengganu	5:57	1:13	4:13	7:17	8:27
Kota Kinabalu	5:05	12:21	3:21	6:26	7:35
Kuching	5:32	12:46	3:52	6:49	7:58